

TEKS UCAPAN

**YB TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN
TEMPATAN, MALAYSIA
SEMPENA
MAJLIS PECAH TANAH
PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) BUKIT NANAS, TEPOH, KUALA
NERUS, TERENGGANU DARUL IMAN.
PADA 15 APRIL 2017 (SABTU)
JAM 5.30 PETANG,
BERTEMPAT DI TAPAK PROJEK, PPR BUKIT NANAS
TEPOH, DAERAH KUALA NERUS, TERENGGANU DARUL IMAN.**

Yang dimulihkan,

Saudara Pengacara Majlis,

YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Hj. Abdul Razak
Perdana Menteri Malaysia

YAB Dato' Seri Haji Ahmad Razif Bin Abd. Rahman
Menteri Besar Negeri Terengganu merangkap
Ahli Dewan Undangan Negeri Seberang Takir

YB Dato' Mohd Zubir Bin Embong
Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri Terengganu

YB Dato' Haji Mohd Jidin bin Shafee
EXCO Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesejahteraan Bandar Negeri
Terengganu.

YB Dato' Haji Wan Nawawi bin Wan Ismail
Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu

YBhg Datuk Haji Mohammad bin Mentek
Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Ahli-ahli Yang Berhormat ADUN Kawasan

Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan

YB. Dato'-Dato', YBhg. Datuk-Datuk, Dif-dif Kehormat, pemimpin-pemimpin masyarakat, penduduk-penduduk di kawasan Bukit Nanas, Tepoh, Kuala Nerus dan tuan-tuan, puan-puan yang saya hormati.

Assalamualaikum, selamat petang, salam sejahtera dan salam 1 Malaysia.

1. Bersyukur kita kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya dapat kita bersama-sama bertemu pada petang yang mulia ini bagi menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Program Perumahan Rakyat (PPR) Bukit Nanas, Tepoh, Kuala Nerus, Terengganu Darul Iman. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir di majlis yang amat bermakna ini, terutamanya dengan kehadiran YAB. Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Hj. Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia yang kita sayangi pada petang yang berbahagia ini.

Para Hadirin Yang DiHormati sekalian,

2. Penyediaan kemudahan perumahan kepada setiap lapisan masyarakat yang memerlukan merupakan salah satu agenda sosial terpenting kerajaan bagi menjamin kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat tercapai selaras dengan matlamat kerajaan untuk mencapai tahap negara maju pada tahun 2020 dan seterusnya menjelang tahun 2050 (TN50).

3. Dalam menyediakan kemudahan perumahan yang mencukupi, kerajaan sangat menitikberatkan rumah yang berkualiti dan selesa serta mampu disewa atau dibeli bagi memenuhi keperluan tempat kediaman semua golongan rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah. Matlamatnya, tidak lain adalah untuk memperbaiki mutu kehidupan setiap rakyat dan memastikan rakyat yang tinggal di negara ini menikmati kepesatan arus pembangunan negara dan mendorong peningkatan integrasi nasional.

4. Penekanan mengenai aspek perumahan yang merangkumi persekitaran yang selamat, sihat dan sejahtera di samping kemudahan awam dan taman rekreasi yang lengkap diterjemahkan dalam **Dasar Perumahan Negara versi 2018-2022** yang bakal dilancarkan pada hujung **2017**.

Para Hadirin Yang DiHormati sekalian,

5. Umum mengakui bahawa di dalam pembentangan Bajet 2017 KPKT telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan **pembinaan 9,850 unit baharu di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR)** dan menyiapkan **11,250 unit rumah PPR** yang sedang dalam pembinaan. Selain itu, KPKT juga diminta melaksanakan pembinaan **10,000 unit rumah di bandar untuk disewa oleh golongan muda** pada kadar lebih rendah dari kadar pasaran; **membaik pulih fasiliti kawasan flat & Program Perumahan Rakyat (PPR) menerusi Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (dengan peruntukan RM300 juta)**. Selaras

dengan tema RMKe-11, iaitu Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat, KPKT akan terus melaksanakan pelbagai inisiatif untuk kepentingan dan kesejahteraan rakyat khususnya yang berkaitan dengan perumahan. Dalam erti kata lain, KPKT bertanggungjawab dan berperanan mensejahterakan masyarakat bandar dan pinggir bandar.

Para Hadirin Yang DiHormati sekalian,

6. Kerajaan sedar bahawa menyediakan perumahan yang mencukupi walaupun pada harga mampu milik kepada setiap golongan lapisan masyarakat sahaja tidak mencukupi. Kerajaan menyedari bahawa isu *end financing* masih menjadi halangan kepada golongan ini untuk mendapat pembiayaan bagi memiliki rumah idaman mereka.

7. Selaras dengan prinsip inklusiviti di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 yang mana manfaat pembangunan dapat dirasai oleh setiap lapisan masyarakat, khususnya golongan berpendapatan rendah untuk memiliki kediaman yang selamat dan selesa, kaedah **Sewa Untuk Dimiliki - Rent to Own (RTO)** telah diperkenalkan oleh Kerajaan untuk membantu golongan sasaran ini di dalam aspek pemilikan rumah. Skim RTO adalah **kaedah alternatif yang diperkenalkan khusus untuk membantu pemohon atau bakal pembeli unit PPR yang tidak layak dibiayai melalui institusi kewangan komersial sedia ada.**

8. Secara amnya, melalui skim RTO ini, pemohon yang layak perlu melalui proses penyewaan unit PPR untuk suatu tempoh masa yang ditetapkan oleh Kerajaan iaitu dua (2) tahun dan apabila genap tempoh penyewaan tersebut, mereka layak untuk diberi pemilikan melalui kaedah RTO unit PPR yang telah diduduki tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat kelayakan untuk memiliki Unit PPR yang telah ditetapkan. Buat masa ini, Kerajaan telah mengumumkan untuk melaksanakan kaedah Sewa Untuk Beli di empat (4) buah projek PPR iaitu **PPR Gua Musang, Kelantan (1000 unit), PPR Lembah Subang 2, Selangor (1,580 unit), PPR Kampung Hassan, Selangor (300 unit) dan PPR Ladang Silau, Port Dickson (300 unit).** KPKT akan membuat pengumuman untuk melaksanakan Kaedah RTO di PPR yang lain apabila keputusan telah dibuat kelak.

Para Hadirin Yang DiHormati sekalian,

9. Untuk makluman, pada tahun 2014, Kerajaan telah menyiapkan sebanyak **1,002 unit PPR** di negeri **Terengganu** iaitu **PPR Padang Hiliran, Kuala Terengganu**. Bagi projek **PPR Bukit Nanas, Kuala Nerus** ini melibatkan kos pembangunan sebanyak **RM83.475 juta** bagi pembinaan **500 unit rumah pangsa 5 tingkat**. Pembangunan projek ini juga termasuk penyediaan kemudahan **surau, taska, tadika, taman permainan, kedai serta dewan orang ramai** di atas tapak seluas **17.4 ekar** dan dijangka siap pada awal tahun 2020. Projek ini menggambarkan keprihatinan Kerajaan Persekutuan yang sentiasa

berusaha bagi menyediakan kemudahan perumahan yang terbaik untuk setiap lapisan masyarakat terutamanya rakyat berpendapatan rendah dan golongan setinggan.

10. Di samping itu, sekali lagi saya ingin mengingatkan kepada bakal penduduk yang akan menerima kemudahan perumahan PPR ini kelak supaya bersama-sama menghargai dan menjaga segala kemudahan yang diberi oleh kerajaan dengan sebaik-baiknya supaya kemudahan yang disediakan dapat digunakan dengan baik dalam jangka masa yang lama. Saya berharap agar penduduk rumah PPR ini sentiasa menjaga keharmonian dan hidup dalam keadaan aman damai serta sejahtera.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

11. Sebelum saya mengundur diri, sekali lagi saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Hj Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia kerana sudi hadir untuk menyempurnakan Majlis Pecah Tanah PPR Bukit Nanas, Tepoh, Kuala Nerus ini. Juga ucapan terima kasih kepada YAB Menteri Besar Terengganu di atas kerjasama yang diberikan, dan kepada Ahli Yang Berhormat Parlimen dan ADUN kawasan, Ketua-ketua Jabatan di peringkat Persekutuan dan Negeri, pemimpin-pemimpin masyarakat, tuan-tuan dan puan-puan yang turut serta menjayakan majlis pada petang ini. Ucapan tahniah dan penghargaan terima kasih juga tidak dilupakan kepada pihak Urusetia Majlis yang terdiri daripada pelbagai agensi yang telah berjaya mengatur persiapan majlis yang berjalan dengan lancar dan meriah.

Sekian.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.